

21 Mahkamah Harta Intelek beroperasi Julai

BH Khamis 21/6/2007

PUTRAJAYA: Dua puluh satu Mahkamah Harta Intelek merangkumi 15 Mahkamah Sesyen dan enam Mahkamah Tinggi akan beroperasi di seluruh negara mulai bulan depan.

Operasi Mahkamah Harta Intelek yang diluluskan Kabinet pada 6 Jun lalu dijangka menyelesaikan lebih 1,600 kes harta intelek tertunggak mengikut rekod Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah sehingga tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata 15 Mahkamah Sesyen Harta Intelek akan membicarakan kes di setiap ibu negeri dan pusat pentadbiran negara di sini.

"Enam Mahkamah Tinggi Bahagian Harta Intelek dengan bidang kuasa sivil dan rayuan bersidang secara mahkamah khusus di negeri yang mempunyai banyak kes harta intelek iaitu di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Mohd Shafie berkata, projek Mahkamah Harta Intelek tidak membatikan kos membina kemudahan atau bangunan baru, sebaliknya menggunakan kemudahan di kompleks mahkamah sedia ada.

"Bagaimanapun, saya sudah mengarahkan perbincangan lanjut dengan pengurusan mahkamah mengenai perbicaraan dapat dilaksa-

nakan dengan licin," katanya.

Ditanya mengenai keupayaan pendakwa mengendalikan kes harta intelek di mahkamah, beliau berkata: "Saya yakin mereka mempunyai kepakaran dari segi kes dikendalikan.

"Namun, sudah tentu kita mahu mereka mempertingkatkan kebolehan kerana jenayah perdagangan membabitkan mereka yang bukan hanya mempunyai keupayaan kewangan, malah kebolehan melepaskan diri dengan pelbagai cara."

Mohd Shafie berkata, penubuhan Mahkamah Harta Intelek bertepatan perakuan Malaysia pada peringkat antarabangsa melalui Perjanjian Perdagangan Berkaitan Harta Intelek (Trips).

"Bagaimanapun, Malaysia belum dapat mengatasi dan menghalang sepenuhnya jenayah pelanggaran hak cipta yang tinggi, terutama kes cetak rompak," katanya.

Beliau berkata, kes harta intelek di negara ini banyak bertumpu kepada jenayah cetak rompak mengikut Akta Hakcipta 1987 dan Akta Perihal Dagangan 1972.

FAKTA NOMBOR

Kes harta intelek tertunggak sehingga 2006

515

Mahkamah Majistret

1,030

Mahkamah Sesyen

67

Mahkamah Tinggi